

UNTUK SIARAN SEGERA



**LBS MENYERLAH DI KALANGAN PEMAJU TERBAIK DENGAN  
KEMENANGAN KALI KETIGA BERTURUT-TURUT DI ‘MALAYSIA  
DEVELOPER AWARD’ 2024**

*Raih Anugerah ‘Top of The Chart’ (Kategori melebihi RM1 Bilion)*

---

**Petaling Jaya, 21 Oktober 2024** – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, dengan bangganya mengumumkan pencapaian LBS di Anugerah ‘Malaysia Developer Awards 2024’ (“MDA”). LBS diiktiraf dengan anugerah berprestij, “*Top of The Chart*”, menduduki kalangan 10 terbaik dalam kategori modal pasaran bagi syarikat yang melebihi RM1 bilion.

Pengiktirafan ini menekankan komitmen berterusan LBS dalam membangunkan harta tanah berkualiti tinggi dengan pendekatan inovatif, di samping memajukan amalan kelestarian secara bertanggungjawab dalam kesemua projek dan usaha yang dilakukan.

Inisiatif bersama Kumpulan Media Star dan FIABCI-Malaysia, MDA dianggap sebagai penanda aras industri yang mengiktiraf syarikat-syarikat yang cemerlang dengan modal pasaran yang signifikan, prestasi kewangan yang kukuh, tadbir urus yang cekap, dan pertumbuhan yang berterusan dalam sektor pembangunan harta tanah.

Mengulas mengenai pencapaian tersebut di majlis anugerah yang berlangsung di Hotel JW Marriott, Kuala Lumpur, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Dato' Sri Ir (Dr) Lim Hock San berkata, “Ini merupakan satu penghormatan bagi LBS yang diiktiraf dan

tersenarai di antara sepuluh pemaju terbaik di Malaysia. Anugerah ini mencerminkan daya tahan kewangan kami dan komitmen terhadap pertumbuhan yang lestari. Perkembangan terbaru kami dalam sektor tenaga boleh diperbaharui selaras dengan matlamat alam sekitar Syarikat di samping mengukuhkan asas untuk membina masa depan yang mampan dalam sektor pembangunan harta tanah.”

“Inisiatif strategik ini membuka jalan untuk pertumbuhan berterusan, sekali gus mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju di pasaran. Kami tetap komited untuk mencipta nilai bagi pemegang berkepentingan dan memberikan impak yang positif terhadap kelestarian alam sekitar,” tambah beliau.

~Tamat~